

13/3/2018

SIARAN MEDIA

PBAPP PASANG LAMPU DI KAWASAN REKREASI BUKIT DUMBAR

- **6 unit lampu LED 140W dan 25 unit lampu LED 65W dipasang, seperti permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar taman itu diterangi dengan lampu.**
- **Kerja-kerja jalan dan kerja-kerja lain yang lain telah disiapkan untuk menjadikan Taman Rekreasi Bukit Dumbar lebih “mesra rakyat”.**

PULAU PINANG, Selasa (13/3/2018): Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng memuji Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) kerana menyelesaikan kerja-kerja pemasangan lampu di Taman Rekreasi Bukit Dumbar.

Beliau melawat taman itu hari ini untuk memeriksa kerja-kerja berikut:

1. Pemasangan 6 unit lampu LED 140W pada tiang 14 meter;
2. Pemasangan 25 unit lampu LED 65W pada tiang 6 meter;
3. Pembaikan dan penurapan semua jalan yang tidak sama rata;
4. Membaik pulih trek jogging di kolam air; dan
5. Pembaikan peralatan permainan kanak-kanak.

YAB Lim berkata Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meminta PBAPP untuk memasang lampu dan membaik pulih Taman Rekreasi Bukit Dumbar agar ia dapat berfungsi sebagai “taman mesra rakyat.”

“Kerajaan Negeri menggalakkan Pulau Pinang yang Lebih Bersih, Lebih Hijau dan Lebih Sihat. Oleh itu, kami berusaha sebaik-baiknya untuk menyediakan ruang hijau yang mesra rakyat di mana rakyat Pulau Pinang boleh bersenam dan beristirahat; dan meluangkan masa yang berkualiti dengan keluarga dan rakan mereka,” katanya.



Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata kerja-kerja pemasangan lampu itu disiapkan dengan kos RM196,270.00, manakala kerja-kerja jalan dan pelbagai kos tambahan berjumlah RM122,941.00.

"Ini bermakna PBAPP melabur sebanyak RM319,211.00 dalam projek tanggungjawab sosial korporat, atau CSR, di Taman Rekreasi Bukit Dumbar," katanya. Kami berharap para pengguna taman akan menikmati ciri-ciri nilai tambah di taman ini, dan menggunakan kemudahan ini secara bertanggungjawab."

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my